

Kerajaan tak biar rakyat derita

UM - 27/7/2021 - W/4.3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan tidak berpeluk tubuh membiarkan rakyat menderita sebaliknya sentiasa bertindak menyelamatkan nyawa dan kehidupan mereka.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, walaupun kerajaan tidak sempurna tetapi pihaknya faham ramai resah dengan angka harian Covid-19.

Justeru, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang berusaha mengatasi kemelut dihadapi dengan mempercepatkan program vaksinasi.

“Yang penting kita mesti bersolidariti menghadapi zaman sukar ini. Tidak usahlah kita berbalah dan menuding jari. Kerana di sana ada rakyat yang jiwanya sengsara, ada bapa yang tenggelam punca, ada anak menderita, manakala *frontliners* kita terus terbeban dan hospital semakin tertekan.

“Marilah kita berganding bahu, mencari berkat dan meraih jaya. Bulat air kerana pembentung, bulat kita kerana muafakat,” kata beliau ketika memberi penerangan berhubung Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam Sidang Khas Parlimen semalam.

Muhyiddin memaklumkan,



TAN SRI Muhyiddin Yassin tiba bagi membentangkan Pelan Pemulihan Negara pada Sidang Khas Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam. - PARLIMEN MALAYSIA

Belanjawan 2022 akan menumpukan kepada tiga fokus iaitu agenda memacu pemulihan ekonomi, membina semula daya ketahanan negara dan mengamalkan pembaharuan.

Kata beliau, tumpuan khusus untuk memulihkan sektor terjejas seperti pelancongan, meningkatkan keupayaan sistem kesihatan awam serta skop perlindungan sosial dan merancakkan ekonomi digital.

“Kerajaan menerusi Kementrian

Kewangan buat pertama kali akan menerbitkan kenyataan Pra-Bajet atau dengan izin *pre-budget statement* termasuk dokumen konsultasi rakyat mengenai tumpuan dasar pada Ogos nanti selaras dengan usaha meningkatkan ketelusan proses serta penglibatan rakyat dalam penyediaan bajet tahunan,” katanya.

Pembentangan Rancangan Malaysia ke-12 dijangka pada 20 September manakala Bajet

2022 pada 29 Oktober nanti.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) memutuskan bahawa negeri yang sudah berada di fasa kedua tidak akan kembali ke fasa pertama.

Begitu juga dengan negeri yang beralih ke fasa ketiga tidak akan patah balik ke fasa kedua dan ini kerana pendekatan PPN menekankan iaitu *exit strategy and no turning back*.